



Gambar 1

1. Berdasarkan gambar 1, apakah tujuan penubuhan organisasi di atas?
 - A Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
 - B Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
 - C Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
 - D Menawarkan produk berkualiti tinggi

2. Pernyataan manakah yang menunjukkan persamaan di antara Suria Berhad dengan Koperasi Permodalan Felda (M) Berhad?
 - A Mementingkan keuntungan
 - B Modal diperoleh daripada yuran ahli
 - C Setiap ahli menanggung liabiliti terhad
 - D Bilangan ahli maksimum adalah 50 orang

3. Maklumat berikut berkaitan dengan kilang Plastik WSP.

- Mempunyai bilangan pekerja tetap seramai 70 orang
- Jumlah jualan tahunan sebanyak RM5 juta.

Apakah kelebihan Kilang Plastik WSP?

- A Kos overhead rendah
- B Wujud pengkhususan
- C Dapat menguasai pasaran
- D Menikmati ekonomi bidangan


4. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkilangan berdasarkan saiz. Berjaya Holding Berhad?

I	II
Jualan tahunan RM 300 000 hingga kurang daripada RM 15 juta.	Bilangan pekerja tetap 75 orang hingga kurang daripada 200 orang

Klasifikasikan saiz manakah yang tepat?

	I	II
A	Sederhana	Besar
B	Kecil	Besar
C	Kecil	Sederhana
D	Besar	Kecil

5. Rajah 1 menunjukkan perkembangan sektor perniagaan



Apakah aktiviti perniagaan berkaitan Y?

- A Penggunaan teknologi maklumat
 - B Penumpuan kepada penanaman getah
 - C Penumpuan kepada sektor perkhidmatan
 - D Menggalakkan rakyat menceburi sektor kedua
6. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah pengangguran kitaran?
- A Mengehadkan penggunaan mesin moden untuk proses tertentu
 - B Memberi insentif kepada peniaga untuk membenarkan pekerja terus bekerja
 - C Membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi semasa
 - D Melaksanakan dasar fiskal dasar kewangan untuk mengekang kemelesetan ekonomi


7. Persekitaran luaran manakah boleh menjayakan sesebuah perniagaan.
- A Kemudahan kredit jangka masa pendek yang disediakan oleh pembekal bahan mentah
 - B Struktur organisasi yang mantap dalam menyelaraskan aktiviti antara jabatan
 - C Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos pembangunan
 - D Peluang kenaikan pangkat yang disediakan untuk memotivasikan pekerja
8. Apakah kesan kejatuhan harga barang secara berterusan
- A Kerajaan akan meningkatkan kadar cukai
 - B Kuasa beli pengguna bertambah
 - C Penduduk kehilangan pekerjaan
 - D Kadar faedah dinaikkan.
9. Apakah peranan Majlis Daerah Tuaran?
- A Memungut cukai eksport
 - B Menggubal undang-undang
 - C Menyediakan kemudahan infrastruktur
 - D Memantau dan mengawal keadaan ekonomi.
10. Pernyataan manakah yang menunjukkan gaya pengurusan sokongan?
- A Majikan bertindak tegas dengan pekerja
 - B Majikan memberikan kebebasan kepada pekerja
 - C Majikan menjaga hubungan baik antara pekerja
 - D Majikan mengamalkan toleransi dengan pekerja

11. Antara berikut, faktor yang manakah dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan?

- I Belian
- II Daya saing
- III Syer pasaran
- IV Kos overhead

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

12. Graf di bawah berkaitan dengan titik pulang modal.



Graf 1

Apakah yang akan terjadi jika kuantiti keluaran berada pada Y?

- A Imej perniagaan terjejas
- B Saiz perniagaan menjadi kecil
- C Cawangan perniagaan bertambah
- D Perniagaan mencapai keuntungan minimum

13.

Syarikat Blue Print Sdn Bhd. mempunyai modal berjumlah RM200,000. Syarikat ini mengeluarkan beg sekolah yang dijual dengan harga RM35 setiap satu. Syarikat menanggung kos tetap berjumlah RM200 000, dan kos berubah seunit yang di tanggung RM 15.

Berapakah titik pulang modal Syarikat Blue Print Sdn. Bhd.?

- A** 4000 unit
- B** 5714 unit
- C** 10 000 unit
- D** 13 333 unit

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pernyataan objektif bagi sebuah organisasi perniagaan.

“Meningkatkan keuntungan sebanyak 15% daripada hasil jualan dalam jangka masa tiga bulan yang akan datang”.

Antara berikut, yang manakah terdapat dalam pernyataan objektif di atas?

- I** Jangka masa
- II** Fleksibel
- III** Mudah difahami
- IV** Boleh diukur

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

15. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan daya saing?

- A** Kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi perniagaannya dalam industri
- B** Hasil yang meningkat dari semasa ke semasa untuk mencapai matlamat perniagaan

- C Peratus penguasaan jumlah pengguna yang membeli barang dan perkhidmatan
- D Kemampuan perniagaan memaksimumkan hasil dengan meminimumkan kos

16. Bagaimanakah interaksi dengan pihak bank membantu perniagaan mengatasi masalah operasi pengeluaran?

- A Mengatasi masalah kekurangan modal kerja
- B Memudahkan urusan pembayaran perniagaan
- C Memudahkan perniagaan membayar bil dan gaji pekerja
- D Memudahkan perniagaan menyimpan wang dengan selamat

17. Pilih pasangan yang betul?

	Bahagian Fungsian Organisasi	Pernyataan
A	Jualan	Transaksi yang memberi nilai tambah kepada penjual dan pembeli
B	Pembelian	Memindahkan data dengan mudah dan cepat
C	Teknologi maklumat	Menghasilkan barang melalui proses penukaran input
D	Pengeluaran	Menukarkan barang dengan menggunakan alat transaksi

18.

Maklumat yang berikut berkaitan dengan unsur dalam proses komunikasi

- Penting untuk mengukur tahap keberkesanan proses komunikasi
- Boleh terdiri daripada tulisan, kata atau isyarat badan

Apakah unsur tersebut?

- A Enkod
- B Dekod
- C Saluran
- D Maklum balas

19. Pernyataan berikut berkaitan dengan bahagian fungsian pengagihan.

Encik Abu mendapatkan stok baju daripada A & Z Enterprise dan menjualnya di pasar malam.

Apakah saluran agihan yang digunakan?

- A Pengeluar → Pengguna
- B Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna

20. Mengapakah program pembangunan produk penting kepada perniagaan?


- A Mengurangkan kos operasi
- B Mengekalkan penguasaan pasaran
- C Menentukan hala tuju tidak tersasar
- D Memastikan tidak berlakunya kekurangan barangan

21. Puan Anita memerlukan tiga buah ketuhar yang tahan lasak dan alatan membakar yang lain bagi memastikan sasaran pengeluaran kek setiap hari tercapai.

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia yang terlibat?

- A Penempatan pekerja dan fasiliti
- B Standard prosedur dan operasi
- C Penyelesaian masalah
- D Sistem penggajian

22. Rajah 4 menunjukkan struktur organisasi Perniagaan Mantap Supermarket.



Rajah 4

Apakah jenis struktur organisasi bagi Perniagaan Mantap Supermarket?

- A Struktur organisasi berdasarkan fungsi
- B Struktur organisasi berdasarkan matriks
- C Struktur organisasi berdasarkan geografi
- D Struktur organisasi berdasarkan pelanggan

23. Antara yang berikut, yang manakah merupakan insentif yang boleh ditawarkan oleh majikan kepada pekerja?

- I Upah
- II Gaji asas
- III Bonus tunai
- IV Insurans berkelompok

- A I dan II
- B I dan IB
- C II dan III
- D III dan IV

24. Antara yang berikut, yang manakah sumber fizikal yang terdapat pada sebuah restoran?

- I Pekerja mahir
- II Meja dan kerusi
- III Mesin daftar tunai
- IV Insurans kebakaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


25. Gambar 5 berikut berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal.



Antara yang berikut, yang manakah tujuan perniagaan mencarum insurans?

- I Melindungi hasil ciptaan
 - II Mengelakkan berlaku kerugian
 - III Melindungi perniagaan daripada risiko
 - IV Memastikan asset memenuhi piawaian keselamatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26. Gambar 6 menunjukkan sejenis perniagaan.



Apakah jenis sumber fizikal yang berkaitan dengan perniagaan di atas?

- A Stok
- B Bahan mentah
- C Kilang dan mesin
- D Bangunan dan kemudahan

27. Pernyataan manakah yang benar mengenai rizab?
- A Pinjaman peribadi peniaga kepada perniagaan
 - B Keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan
 - C Modal yang diperoleh daripada bank atau institusi kewangan
 - D Kemudahan kredit jangka pendek yang disediakan oleh bank.
28. Apakah kekuatan sumber pembiayaan dari bank dan institusi kewangan kepada seorang pemilik perusahaan kecil dan sederhana (PKS)?
- I Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa
 - II Perniagaan yang berdaya maju dikecualikan pembayaran faedah
 - III Amaun pinjaman yang sedikit tidak tertakluk kepada terma dan syarat
 - IV Ansuran pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan sumber pembiayaan luaran?
- I Cepat dan ringkas
 - II Tidak melibatkan kos seperti faedah atas pinjaman
 - III Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa
 - IV Tempoh bayaran balik pinjaman dan ansuran bulanan mengikut kemampuan Peminjam
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
30. Antara yang berikut, yang manakah merupakan asset bukan semasa?
- I Kenderaan rasmi syarikat
 - II Komputer dan pencetak
 - III Wang tunai di tangan
 - IV Overdraf bank
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Leo.

Sewa diterima	:RM1 000
Susut nilai mesin	: RM600
Stok akhir	: RM600
Untung kasar	: RM10 000
Faedah dibayar	: RM200
Komisen diterima	: RM800

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut?

- A RM9 700
- B RM10 200
- C RM11 300
- D RM11 000

32. Apakah kegunaan penyata kewangan kepada pembiaya dan institusi kewangan?

- A Mengetahui kemampuan perniagaan membayar hutang dan kredit
- B Mengetahui keberuntungan perniagaan dan bakal pulangan yang akan diperoleh
- C Menilai prestasi perniagaan, membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran
- D Menilai keupayaan dan kecekapan dalam pengurusan hutang sebelum memberi kemudahan kredit.

33. Penyataan yang manakah menerangkan ciri – ciri kreatif?

- A Aminah mengeluarkan kuih bulan halal
- B Amirah mencari pasaran baharu di London
- C Lionna mencipta perisian permainan yang baharu
- D Hamizah telah mengubah suai basikal menggunakan tenaga solar

34. Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?

- A Mewujudkan sikap berdikari
- B Membuka peluang pekerjaan
- C Mewujudkan Kerjasama serantau
- D Mewujudkan pengaliran masuk modal asing

35. Berikut menunjukkan agensi yang memberi bantuan professional kepada usahawan.

- Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MECD)

Apakah bantuan professional yang disediakan oleh agensi tersebut?

- A Kewangan
- B Pengurusan
- C Pelaburan
- D Khidmat nasihat dan rundingan

36. Maklumat berikut menunjukkan sebuah pemilikan perniagaan.

- Bilangan pemegang syer sekurang – kurangnya seorang dan tiada had maksimum.
- Menggunakan perkataan berhad pada hujung nama syarikat

Apakah akta yang berkaitan dengan penubuhan perniagaan tersebut?

- A Akta Syarikat 2016
- B Akta Koperasi 1993
- C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2016

37. Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah promosi dalam sesebuah perniagaan.

Kedai Kain Luna telah mengadakan acara cabutan bertuah bagi menghargai sokongan kepada pelanggan – pelanggannya.

Apakah kaedah tersebut?

- A Publisiti
- B Pengiklanan
- C Promosi jualan
- D Jualan langsung

38. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu urusan niaga.

Puan Amanda membuat belian barang niaga sebanyak RM12 000 secara kredit daripada pembekal Arlina.

Apakah dokumen urusan niaga yang terlibat?

- A Invois
- B Memo
- C Bil Tunai
- D Baucar pembayaran

39. Maklumat berikut berkaitan dengan rancangan perniagaan.

Menyediakan spesifikasi tugas mengikut jawatan.

Apakah bahagian dalam rancangan perniagaan yang melibatkan perkara di atas?

- A Ringkasan eksekutif
- B Rancangan pentadbiran
- C Rancangan kewangan
- D Rancangan pemasaran

40. Mengapakah rancangan perniagaan yang disediakan dapat menyakinkan pihak bank?

- A Menjadikan operasi perniagaan lebih sistematik
- B Mengurangkan kesilapan dalam menguruskan perniagaan
- C Memudahkan usahawan memperoleh dana perniagaan
- D Membolehkan pelaksanaan tanggungjawab sosial